

PROSEDUR KEGIATAN PERSATUAN/ KELAB PELAJAR

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini disediakan untuk menerangkan proses mendapatkan kelulusan Pejabat HEP & Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) untuk menganjurkan kegiatan pelajar.

2.0 TANGGUNGJAWAB

1. Pejabat HEP bertanggungjawab untuk menyelaras kelulusan penganjuran aktiviti kelab/persatuan pelajar.
2. Penganjuran kegiatan bagi peruntukan di bawah RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Seribu Sahaja) adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Pejabat (HEP).
3. Kelulusan bagi kegiatan pelajar yang melibatkan peruntukan lebih daripada RM1,000.00 (Ringgit Malaysia : Seribu Sahaja) tertakluk kepada pertimbangan TNC (HEPA) berdasarkan kepada perakuan daripada KP (HEP) dan Bendahari

3.0 PROSEDUR TERPERINCI

3.1 Peruntukan Lebih RM1,000.00

- 3.1.1 Menerima dan menyemak Borang Permohonan menganjurkan aktiviti pelajar Pejabat HEP (UTHM.HEP/27-2002)(Pindaan 1/2014) (PT (P/O))
- 3.1.2 Mengemukakan permohonan yang lengkap kepada Penolong Pendaftar yang menyelaras Kelab/Persatuan berkenaan (PT (P/O))
- 3.1.3 Menyemak dan menyokong permohonan sebelum dimajukan kepada Ketua Pejabat (HEP) untuk penilaian (Pengetua/Felo/ Penyelaras)
- 3.1.4 Memberi penilaian dan ulasan sebelum dimajukan kepada Bendahari (KP (HEP))
- 3.1.5 Memberi penilaian dan ulasan sebelum dimajukan kepada TNC (HEPA) (Bendahari)
- 3.1.6 Membuat keputusan berkaitan permohonan dan peruntukan kewangan untuk kegiatan pelajar. (TNC(HEPA))
- 3.1.7 Keluarkan surat pemakluman (Lulus/Gagal) setelah mendapat keputusan daripada TNC (HEPA) (PP (HEP))

3.2 Peruntukan Kurang RM1,000.00

- 3.2.1 Menerima dan menyemak Borang Permohonan menganjurkan aktiviti pelajar Pejabat HEP (UTHM.HEP/27-2002)(Pindaan 1/2014) (PT (P/O))
- 3.2.2 Mengemukakan permohonan yang lengkap kepada Penolong Pendaftar yang menyelaras Kelab/Persatuan berkenaan (PT (P/O))
- 3.2.3 Menyemak dan menyokong permohonan sebelum dimajukan kepada Ketua Pejabat (HEP) untuk kelulusan. (Pengetua / Felo / Penyelaras)
- 3.2.4 Membuat keputusan berkaitan permohonan dan peruntukan kewangan untuk kegiatan pelajar. (KP (HEP))
- 3.2.5 Keluarkan surat pemakluman (Lulus/Gagal) setelah mendapat keputusan daripada KP HEP (PP (HEP))